

Semangat hijrah Nabi Muhammad wajar diambil pedoman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (tiga, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Ogos. - Tema Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah Peringkat Negara pada tahun ini ialah 'Generasi Berilmu, Beramal dan Berakhlik Memacu Pembangunan Umat'.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Sambutan Awal Tahun Baharu 1442 Hijrah, yang diadakan di Dewan Bankuet, bangunan jabatan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut, Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Kemuncak acara diserikan dengan penyampaian ceramah, bertajuk 'Hijrah dan Pengajarannya', antara inti patinya mengetahahkan tentang semangat hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang wajar diambil pedoman dan pengajarannya agar sentiasa



ANTARA pegawai dan kakitangan yang hadir pada Sambutan Awal Tahun Baharu 1442 Hijrah, yang diadakan di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

bersedia juga berusaha dalam memastikan setiap matlamat dapat dicapai, di samping berdoa dan bertawakal.

Ceramah tersebut disampaikan

oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Majlis Sambutan Awal Tahun



CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Hijrah merupakan antara acara keagamaan tahunan JPM, di mana pada kali ini, ia dikelolakan oleh Pejabat Teknologi Maklumat dan Inovasi, JPM dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen Brunei selaku Pengendali Bersama.

Keseimbangan ilmu pemacu pembangunan umat



HADIR pada Ceramah Khas sempena Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah ialah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (tiga, kiri).



Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta pihak-pihak berkuasa mengadakan Ceramah Khas sempena Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, MTIC.

Hadir pada Ceramah Khas tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Ceramah Khas bertajuk 'Generasi Berilmu, Beramal dan Berakhlik Memacu Pembangunan Umat' disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammalli bin Haji Adam yang antara lain menyentuh mengenai kepentingan semua pihak tanpa mengira pangkat atau jawatan untuk memiliki keseimbangan ilmu dunia dan akhirat bagi sama-sama menjadi pemacu pembangunan umat.

Jelasnya, sebagai umat Islam dalam generasi yang dipenuhi dengan kemewahan teknologi digital perlu sentiasa beramal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak melupakan kewajipan sebagai orang Islam dalam saama-sama menjadi umat yang berilmu, beramal dan berakhlik serta seterusnya memacu pembangunan umat.

"Ilmu itu adalah teori sementara amal itu adalah praktikal, oleh yang demikian kehidupan tanpa amal adalah ibarat pohon yang tidak berbuah," jelasnya lagi. Tambanya, akhlak yang baik akan terbentuk apabila generasi itu mempunyai ilmu serta mempraktikkan ajaran-ajaran agama Islam iaitu dengan beramal dan seterusnya akan menjadikan kehidupan lebih harmoni.

Aktiviti keagamaan tahunan MTIC ini bertujuan bagi menyemarakkan Hari-hari



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA, Awang Haji Sammalli bin Haji Adam.

Kebesaran Islam dan seterusnya bagi mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir semasa ceramah berkenaan ialah Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof dan Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat), Awang Haji Hairul Mohd Daud bin Haji Abdul Karim serta Ketua-ketua Eksekutif Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Pihak Berkua Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD); pengaruh-pengaruh jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta pihak-pihak berkua di bawahnya.